

22 SEP 2002

PBS-Bajet/I

PBS KATA BAJET 2003 TIDAK MENYAKITKAN

KENINGAU, 22 Sept (Bernama) -- Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat terus mendapat pujian dari Sabah, dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) hari ini menggambarkannya sebagai bersejarah kerana ia adalah bajet negara tanpa langkah-langkah cukai.

Berucap semasa merasmikan mesyuarat agung tahunan PBS Bahagian Bingkor, Timbalan Presiden Datuk Dr Maximus Ongkili berkata Bajet 2003 amat pemurah benar-benar tidak menyakitkan.

"Bajet 2003 amat bersejarah kerana sementara ia memberikan inventori pada pendapatan dan sumber pendapatan seperti termaktub dalam sebarang bajet, ia tidak memperkenalkan sebarang langkah cukai baru atau menaikkan tarif sedia ada yang akan membebankan pengguna atau pembayar cukai.

"Sebaliknya, Bajet ini hanya menguatkuasakan dan memperhalusi strategi menjana pendapatan sedia ada dan menumpukan pada pembangunan bagi semua lapisan masyarakat.

"Cadangan dan anggaran bajet itu jelas mencerminkan asas ekonomi negara berada dalam keadaan baik dan bahawa keperluan pembangunan boleh dicapai melalui sumber pendapatan sedia ada tanpa memperkenalkan cukai yang membebankan," katanya.

"Belum ada sebelum ini Bajet yang benar-benar tidak menyakitkan kepada pembayar cukai dan pengguna. Sudah tentu, Menteri Kewangan menekankan bahawa penguatkuasaan langkah itu akan diperkukuhkan bagi memastikan cukai yang patut dibayar pada tahun ini dikutip," kata Dr Ongkili, anggota Parlimen bagi Bandau.

Beliau berkata semua rakyat Malaysia patut menyokong langkah itu dengan membayar cukai mereka bagi memastikan kerajaan mempunyai sumber pendapatan yang mencukupi untuk membiayai pelbagai program pembangunannya.

Dr Ongkili turut menyambut baik pertambahan peruntukan bagi pembangunan luar bandar, terutamanya bagi Sabah dan Sarawak.

"Bagi Sabah, jumlah yang diperuntukkan bagi bekalan air dan elektrik di luar bandar, masing-masing ditingkatkan kepada RM88 juta dan RM80 juta, iaitu hampir 30 peratus lebih tinggi daripada peruntukan 2002," katanya.

Perkara itu baik bagi negeri ini kerana terdapat keperluan untuk meningkatkan lagi taraf hidup penduduk luar bandarnya.

-- BERNAMA

JS RHM